

# 1001 Masalah

Abu Al-Mukhtar Sedia Menjawab



## Pensyarah-pensyarah Agama yang Meminta Upah

Ahmad bin Husin, Changi Road, Singapura bertanya:

“Saya pernah mendengar seorang pensyarah dari Indonesia di dalam suatu majlis syarahan berkata, bahawa risalah yang dijual kepada pendengar-pendengar itu adalah kerana tujuannya untuk belanja menghubungkan silaturrahim dan akan meneruskan tablighnya di Tanah Melayu. Dengan perkataan ini saya memandang bahawa adalah mubahilh-mubahilh itu menuntut atau memungut bantuan untuk dirinya. Bagaimakah hukum agama di dalam perkara seperti ini dan bagaimakah anjuran-anjuran agama tentang tabligh-tabligh yang berhajat kepada upah itu?”

Jawab: Sememangnya telah ada beberapa pensyarah-pensyarah yang menggunakan peluang bertabligh ke sini yang ditujukan semata-mata kerana memungut derma-derma sama ada dengan tepat atau tidak. Bahkan ada yang menjual risalah-risalah di mana-mana mereka bertabligh itu. Di dalam majlis syarahan-syarahan yang diadakan maka pensyarah-pensyarah itu membawa risalah yang dicetaknya dan kemudian di sana risalah-risalah itu dijual dengan harga yang ditentukan – umpamanya pernah terjadi sebuah risalah yang mengandungi 99 nama-nama Tuhan mengandungi 8 muka diminta dijual seringgit sebuah. Ada pula yang disyaratkan bahawa mereka tidak mau bersyarah melainkan dibenarkan menjual risalah-risalah yang dibawa mereka.

Dengan cara ini orang memandang bahawa langkahnya menjual risalah-risalah di dalam majlis-majlis itu menimbulkan dua perkara:

1. Menjadikan majlis tabligh itu tempat mencari hasil atau upah;
2. Kelak akan menjauhkan orang-orang awam daripada tabligh-tabligh agama.

Jika dua perkara ini timbul maka keikhlasan menyeru

kepada jalan Tuhan itu tidak ada lagi. Pekerjaan tabligh itu sudah dijadikan mata pencarian – yang diambil upah daripadanya, terutamanya pula pernah dikatakan oleh mereka apakah kami malaikat dan seumpamanya.

Sebaik-baik tauladan dan untuk kita jadikan ikutan dalam perkara ini, ialah apa yang telah dibuat oleh Nabi-nabi. Di dalam sejarah Nabi-nabi itu penuh diriwayatkan bagaimana mereka bertabligh. Nabi Nuḥ adalah menjadi contoh yang besar. Nabi Nuḥ terus-menerus berjuang menyeru kaumnya kepada jalan Allah.

Di dalam al-Qur’ān disebut beberapa banyak ayat mengenai perkataan Nabi-nabi yang menyeru umatnya kepada jalan Allah dengan tegas mengatakan bahawa mereka menyeru itu tidak meminta upah.

Di dalam Surah al-Shu‘arā’ berulang-ulang disebut:

*Wa mā as’alukum ‘alayhi min ajr. In ajriya illā ‘alā rabi al-‘alamīn*

(al-Shu‘arā’ ayat 109)

Maksudnya: “Dan aku tidak meminta upah (bayaran) kepada kamu, upahku, ku harapkan hanya dari Tuhan semesta alam.”

Ayat ini diulang semula di dalam seruan Nabi Hud ‘alayhi al-salām di dalam Surah al-Shu‘arā’ yang sama juga bunyinya pada ayat 127 pada surah itu.

Demikian juga seruan Nabi Shalih kepada kaumnya, bunyi ayat yang tersebut disebut juga seperti yang tersebut pada ayat 145 Surah al-Shu‘arā’ yang bunyinya sama seperti itu.

Demikian juga di dalam riwayat Nabi Luṭ menyeru kaumnya maka ayat yang tersebut disebut pula, ertinya Nabi Luṭ tidak meminta upah di dalam seruannya, yang bunyinya sama, iaitu di dalam Surah al-Shu‘arā’ ayat 164.

Demikian juga yang dikatakan oleh Nabi Shu‘aib – perkataan itu juga yang digunakan seperti firman Allah di dalam Surat al-Shu‘arā’ ayat 180.

Jadi di dalam Surah al-Shu‘arā’ ini, Nabi-nabi

Tuhan).”

Nuh, Hud, Shalih, Luth dan Nabi Shu‘aib, lima ayat

Demikian juga lagi tatkala Nabi Hud menyeru kepada

yang sama bunyinya yang mengatakan bahawa mereka-mereka (*‘alayhim al-salām*)

kaumnya, kaum ‘Ād, ia berkata seperti yang tersebut di dalam

itu semuanya berkata, bahawa di dalam mereka menyeru kepada

firman Allah:

jalan Allah, mereka tidak meminta upah atau bayaran.

Seterusnya ayat-ayat yang al-Qur‘ān ada menyebut perkataan

*Yā qaumi lā as’alukum ‘alayhi ajrā in ajriya illā ‘ala*

*allazī faṭarānī afalā ta‘qilūn*

Nuh seperti yang tersebut dalam Surah Yūnus ayat 72

(Hud ayat 51)

yang berbunyi:

*Famā saaltukum min ajrin in ajriya illā ‘al Allah*

Ertinya: “Hai kaumku! Aku tidak meminta upah kepada

*wa umirtu an akūna min al-muslimīn*

kamu untuk (menyeru kamu – P.) upahku hanya dari

Maksudnya: “Aku tiada meminta upah kepada kamu,


(Tuhan) yang menciptakan aku. Tidakkah kamu mengerti?”

upahku hanya dari Tuhan. Dan aku disuruh supaya

Kepada Nabi Muḥammad (S.A.W) di dalam seruannya Tuhan

aku termasuk ke dalam orang-orang yang menyerah diri (kepada

berfirman:



**Pelajar Kelas Tinggi, Madrasah Mashoor al-Islamiyyah, Pulau Pinang, yang telah tamat pelajaran mereka**

**tahun ini, bergambar ramai dengan guru-guru mereka untuk kenangan. Duduk dari kanan: nombor 5 Ustaz Sheikh**

**Husin Bakar Rafi‘ – Mudir Madrasah, nombor 6 Ustaz Ahmad Bajunid – Naib Mudir, 7**

**Abdul Ghani Ahmad – Ketua Syarahan, Bahas dan Kutubkhanah. Manakala nombor 4 (duduk dari kanan) ialah Harun**

**Daud – Ketua Umum.**

*Qul mā sa'altukum min ajrin fahuwa lakum in ajriya*

*illa 'ala Allah*

(Surah Saba' ayat 47)

Maksudnya: "Katakan (ya Muhammad), aku tiada meminta upah kepada kamu, tetapi upah itu adalah untuk (kepentingan) kamu! Upahku hanya dari Tuhan."

Di dalam Surah al-Furqān ayat 57 Tuhan berfirman lagi:

*Qul mā as'alukum 'alayhi min ajrin illa man shā'a an yattakhīza ilā rabbihī sabīlā*

Maksudnya: "Katakan (ya Muhammad) untuk tugasku itu, aku tiada meminta upah (bayaran) kepada kamu, hanya siapa yang mau, boleh mengambil jalan kepada Tuhannya." (Jalan kepada Tuhannya – ialah peluang menghampirkan diri kepada Tuhan dengan iman dan amal soleh).

Di dalam ayat 23 Surah al-Shūrā juga disebut perkara ini.

Di dalam Surah Sad Tuhan berfirman lagi:

*Qul mā as'alukum 'alayhi min ajrin wa mā ana min al-mutakallifīn*

Maksudnya: Katakan (ya Muhammad) aku tiada meminta upah kepada kamu dan aku bukan daripada orang-orang yang berpura-pura (menipu)."

Di dalam Surah al-Anām ayat 90 ada juga menyebut perkara ini yang hampir-hampir sama bunyinya. Semuanya ada tiga belas ayat yang hampir-hampir berulang-ulang disebut Tuhan yang menyuruh atau mengingatkan di dalam menyeru kepada jalan Allah itu hendaklah dijalankan bukan kerana mencari upah atau faedah untuknya.

Dengan ini bolehlah kita mengatakan mereka-mereka yang datang ke mari atau yang ada di sini yang datangnya berniat tabligh sambil mengambil peluang kerana hendak mencari wang untuk nafkah hidupnya, atau kerana untuk mencari kerana hendak

mendirikan rumahnya atau untuk mengkahwinkan anaknya atau seumpamanya maka bolehlah mereka itu dipandang sebagai orang penjual agama.

Hal ini bertambah-tambah lagi jika ia menyerukan sesuatu seruan supaya orang beramal baik, dan melakukan perbuatan yang baik sedang ia sendiri melanggarnya maka termasuklah ia daripada golongan orang yang sangat dibenci oleh Tuhan seperti firmanNya:

*Yāayyuha alladhīna āmanū lima taqūlūn mā la taf'alūn. Kabura maqtān 'inda Allah an taqūlū mā lā taf'alūn*

Ayat 2 dan 3, *Surah al-Şaf*

Maksudnya: Hai orang-orang yang beriman! Mengapa kamu kata tetapi kamu tidak berbuat? Sangat dibenci Tuhan bawanya kamu ucapan apa yang tidak kamu perbuat.

Bagaimanakah keadaan orang yang seperti ini? Di dalam ajaran Islam sesuatu seruan yang diserukan hendaklah ia beramal dahulu. Ia hendaklah memberi tauladan dahulu bawanya apa yang dikatakannya sendiri ia sendiri telah berbuat dan beramal kepadanya.

Seruan kepada orang-orang yang beramal dengan apa yang dikatakannya itulah sahaja yang patut diturut. Seruan orang-orang itu hendaklah pula dijalankannya dengan tidak berharapkan upah jerih payah. Jika ia mengharapkan upah atas jerih payahnya dan tidak pula beramal dengan apa yang diucapkannya maka orang seperti itu tidaklah boleh diikut sebab Tuhan hanya menyuruh mengikut orang-orang yang tiada meminta upah kerana orang-orang ini adalah mendapat pimpinan yang benar! Firman Allah:

*Ittabi 'ū man lā yas'alukum ajrā wa hum muhtadūn*  
Yāsin ayat 21

Maksudnya: "Ikutlah orang yang tidak meminta upah kepada kamu kerana mereka itu mendapat pimpinan yang benar."

Kalau kita kaji perkembangan sejarah di Tanah Air

tablighnya – untuk memungut bayaran daripada orang-orang yang diajarnya.

kita maka mubaligh-mubaligh Islam yang datang ke mari mengembangkan

Bagaimana sifat mubaligh itu. Di bawah ini sebagai

Islam mereka mencari usaha untuk hidupnya

penutupnya kita ambil perkataan Muhammad Natsir Ketua Umum

sendiri sambil pula ia membuat usaha-usaha mengembangkan

Masyumi tatkala menggambarkan sifat-sifat mubaligh dengan katanya:

pelajaran agama Islam. Kalau ia telah berjaya di dalam

Mubaligh ialah segolongan orang yang boleh disorong

usahaanya maka mereka pun lebih luas berusaha mengembangkan

supaya bekerja dengan perkataan “*fī sabīl Allah*”, diberi

agama dan membuat usaha-usaha memanggil guru-guru agama yang dibayar


gaji dengan perkataan “*lillah ta ‘alā*”, disokong dengan “*qaul*

dari pada sakunya sendiri. Mereka tidak sekali-kali

*ma ‘aruf*” (kata-kata yang baik – P.) dan diubati dengan

menjalankan usahanya mencari faedah diri di dalam

“*inna Allah ma ‘a al-ṣabirīn*”.



\*Anggota Dewan Pelajar Ma‘had al-Iḥyā’ al-Sharīf, Gunung Semanggol Perak tahun 1960 bergambar

untuk kenangan. Duduk di baris hadapan dari kiri: Hasim Mansuri Selangor – Ketua Bahagian

Kebersihan, Haji Ali Haji Musa Selangor – Ketua Bahagian Sukan, Yusuf Karim Perak – Ketua Bahagian

Ibadat, Hamim Abu Bakar Perak – Ketua Bahagian Penerangan, Syarahan merangkap Kehakiman, Haji

Daud Haji Abdul Wahab Kedah – Ketua Umum merangkap Bendahari dan Keamanan, Abdul Ghafar Wali Perak –

Setiausaha Agong, Abdul Rahman Ibrahim Perak – Perak – Ketua Bahagian Pembangunan, Haji Amin Soleh

Perak – Ketua Bahagian Kebudayaan, Haji Ahmad Saman Perak – Ketua Bahagian Kebersihan (Kedua), dan

Husin Hassan Pahang – Pemeriksa Kira-kira (1).\*